

# GOD'S SIMPLE PLAN OF SALVATION

## Introduction

1 Yohanes 5:13 kita, "Aku menulis surat ini kepada kamu yang percaya kepada Anak Allah, supaya kamu tahu bahawa kamu sudah mempunyai hidup sejati dan kekal."

## I Kita semua telah berdosa.

1 Yohanes 1:8 "Jika kita berkata bahawa kita tidak berdosa, kita menipu diri sendiri dan Allah tidak ada di dalam kita."

Roma 3:23, "Semua orang sudah berdosa dan jauh daripada Allah yang menyelamatkan mereka."



**Kita semua telah berdosa.**

## II Kematian abadi adalah upah yang kita terima akibat daripada dosa kita.

Roma 6:23a Sebab upah dosa ialah maut;

Wahyu 21:8 Tetapi pengecut, pengkhianat, orang yang melakukan perbuatan cabul, pembunuh, orang yang lucah, orang yang mengamalkan ilmu ghaib, penyembah berhala, dan semua pendusta, akan dibuang ke dalam lautan api dan belerang yang bernyala-nyala, iaitu kematian tahap kedua."

## III Yesus mati di atas salib, memikul hukuman mati bagi pihak kita.

Roma 5:8 Akan tetapi Tuhan menunjukkan kasih-Nya kepada kita, oleh kerana Kristus telah mati untuk kita, ketika kita masih berdosa.

Yohanes 3:16-17 "Allah sangat mengasihi orang di dunia ini sehingga Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada Anak itu tidak binasa tetapi beroleh hidup sejati dan kekal. Allah mengutus Anak-Nya ke dunia ini bukan untuk menghakimi dunia, tetapi untuk menyelamatkannya."

Roma 6:23b ..... tetapi hadiah Tuhan ialah hidup yang kekal dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.



**Christ died for sinners!**

#### **IV Kamu tidak dapat membayar pengampunan daripada Tuhan.**

Kisah Rasul-Rasul 4:12 Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita."

Efesus 2:8-9 Hal itu demikian, kerana dengan rahmat Allah, kamu diselamatkan oleh sebab kamu percaya kepada Yesus. Penyelamatan itu bukan hasil usaha kamu sendiri, melainkan kurnia Allah. Oleh itu kamu tidak mempunyai alasan untuk bercakap besar tentang hal itu.

Titus 3:5 Dia menyelamatkan kita, bukan kerana perbuatan baik kita, tetapi kerana belas kasihan-Nya. Allah menyelamatkan kita melalui Roh-Nya, yang mengurniai kita kelahiran baru dan hidup baru dengan membasuh kita.

#### **V Percaya kepada Kristus Yesus sebagai penyelamat kamu.**

Roma 10:9,10, 13 Jika kamu mengaku di hadapan orang bahawa "Yesus itu Tuhan," dan kamu sungguh-sungguh percaya bahawa Allah sudah membangkitkan Yesus daripada kematian, kamu akan diselamatkan. Kerana kita sungguh-sungguh percaya, kita diterima oleh Allah sebagai orang yang sudah berbaik semula dengan-Nya. Kerana kita mengakui Yesus di hadapan orang, kita diselamatkan. Di dalam Alkitab juga tertulis, "Setiap orang yang berseru kepada Tuhan akan diselamatkan."



*Kamu hanya boleh menerimanya, dengan iman, melalui rahmat dan belas kasihan Tuhan. Jika kamu hendak menerima Yesus Kristus sebagai Penyelamat kamu dan menerima pengampunan daripada Tuhan, maka berdoalah begini. Melafazkan doa ini atau doa-doa lain tidak dapat menyelamatkan kamu. Hanya kepercayaan kepada Yesus Kristus yang boleh memberikan pengampunan dosa. Doa hanya satu cara untuk menunjukkan kepada Tuhan bahawa kamu percaya kepada-Nya dan berterima kasih kepada Tuhan kerana menyediakan pengampunan dosa.*



**"Tuhan,**

**saya mengaku bahawa saya sudah berdosa terhadap kamu dan patut dihukum. Tetapi Yesus Kristus telah menggantikan saya untuk menerima hukuman itu supaya saya dapat diampuni melalui kepercayaan ke atas Kristus. Saya akan meninggalkan dosa saya dan percaya kepada Tuhan untuk mendapat penyelamatan. Terima kasih Tuhan kerana rahmat dan pengampunan kamu yang mengagumkan itu! Amen!"**